

Pekerjaan dan kehidupan seharian pembantu rumah

3.1 Latar belakang majikan.

Pembantu rumah ini bekerja dengan majikan yang terdiri dari pelbagai bangsa. Sebanyak 84% bekerja dengan majikan berbangsa Melayu, 12% bekerja dengan majikan Cina, 2% bekerja dengan majikan India manakala 2% lagi bekerja dengan majikan berbangsa Itali. Mereka yang bekerja dengan majikan berbangsa asing ini menyatakan tidak menghadapi sebarang masalah kerana tidak dikehendaki memasak makanan untuk majikan mereka.

Majikan kepada semua responden berusia dalam lingkungan umur 20an ke 50an. Kebanyakan daripada majikan ini bekerja sebagai doktor, guru, kerani, pensyarah dan polis. Malah ada majikan yang menjadi ahli perniagaan. Terdapat 2 orang responden yang majikannya adalah pesara. Jumlah ahli keluarga majikan pula ialah di antara 2 ke 8 orang.

Tempat atau kawasan di mana majikan tinggal boleh dilihat dalam jadual 3.1. Berdasarkan jadual tersebut, kebanyakan daripada majikan responden tinggal di kawasan Ampang dan Taman Keramat. Sepertimana yang telah dinyatakan dalam Bab 2, seramai 6 orang pembantu rumah tinggal bersama

majikan iaitu dua di Subang Jaya, dua di Ampang, seorang di Petaling Jaya dan seorang lagi di Cheras.

Jadual 3.1
Kawasan tempat tinggal majikan

Kawasan	Bilangan	Peratus
Ampang	11	22
Taman Keramat	11	22
Damansara Utama	6	12
Petaling Jaya	5	10
Cheras	4	8
Taman Tun Dr. Ismail	4	8
Kg. Pandan	2	4
Subang Jaya	2	4
Taman Setiawangsa	2	4
Kg. Bharu	1	2
Setapak	1	2
Sg. Besi	1	2
Jumlah	50	100

Responden yang bekerja secara sambilan biasanya tinggal berdekatan dengan rumah majikan. Mereka berulang-alik ke rumah majikan dengan berjalan kaki atau menaiki basikal. Jarak di antara rumah majikan dengan rumah pembantu rumah ialah kira-kira 0.5 km sahaja. Terdapat seorang responden yang bekerja dengan 10 orang majikan. Beliau hanya berjalan kaki sahaja kerana jarak rumah di antara majikan-majikannya ini adalah berdekatan di antara satu sama lain. Beliau bekerja setiap hari kecuali pada hari Ahad dan bekerja

dengan dua orang majikan dalam masa satu hari. Dengan majikan pertama, beliau bekerja dari pukul 8 pagi hingga 12 tengahari, kemudian menyambung kerjanya dari pukul 1 - 4 petang dengan majikan kedua. Begitulah yang dilakukan seterusnya. Walau bagaimanapun, terdapat seorang responden yang tinggal di Gombak menaiki bas ke rumah majikannya di Taman Keramat setiap hari kecuali pada hari minggu.

Pembantu rumah yang tinggal berjauhan dengan rumah majikan, iaitu pekerja sepenuh masa biasanya tinggal bersama majikan.

3.2 Tugas-tugas seharian.

Tugas-tugas seharian yang dilakukan oleh pembantu rumah ini akan dibahagikan kepada dua topik iaitu :-

- a. Jangkamasa bekerja dalam sehari.
- b. Jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan.

Kedua-duanya akan dibincangkan mengikut kategori pembantu rumah yang bekerja sepenuh masa (tinggal bersama majikan) dan yang bekerja separuh masa (berulang-alik).

- a. Jangkamasa bekerja dalam sehari.

Jadual 3.2 menunjukkan jangkamasa bekerja bagi pembantu rumah sepenuh masa dan separuh masa.

Jadual 3.2
Jangkamasa bekerja pembantu rumah Indonesia
dalam sehari

Kategori	Jangkamasa (jam)	Bilangan	Peratus
Berulang-alik	2 - 4	9	18
	5 - 7	6	8
Tinggal bersama	5 - 7	2	8
	8 - 10	5	10
	11 - 13	4	8
	14 - 16	20	40
	17 - 19	4	8
Jumlah		50	100

Responden yang bekerja secara sambilan bekerja dalam jangkamasa di antara 2 - 7 jam. Seramai 15 orang responden bekerja secara sambilan. 9 orang bekerja di antara 2 - 4 jam sehari manakala 6 orang lagi bekerja di antara 5 - 7 jam sehari.

Pembantu rumah yang bekerja dalam jangkamasa 2 - 4 jam sehari biasanya memulakan tugas mereka pada pukul 8 pagi. Mereka akan menyiapkan kerja-kerja yang perlu dibuat sehingga pukul 12 tengahari. Pembantu rumah yang bekerja dalam jangkamasa 5 - 7 jam sehari pula, memulakan tugas mereka sama ada pada pukul 7 atau 8 pagi. Mereka akan menyiapkan segala kerja mereka dan pulang ke rumah pada pukul 2 atau 3 petang. Kesemua responden ini bekerja sama ada dua atau tiga kali seminggu ataupun setiap hari kecuali

pada hari Ahad. Mereka yang bekerja dalam jangkamasa tersebut biasanya mempunyai anak yang masih kecil dan masih bersekolah. Oleh itu mereka terpaksa pulang awal ke rumah bagi menjaga anak-anak mereka.

35 responden lagi bekerja sebagai pembantu rumah sepenuh masa. Mereka bekerja dalam jangka waktu di antara 5 - 19 jam sehari. Seramai 2 orang bekerja dalam jangkamasa di antara 5 - 7 jam sehari. Mereka memulakan tugas mereka pada pukul 6 atau 7 pagi dan berakhir pada pukul 10 pagi kemudian menyambung semula tugas mereka pada pukul 2 petang hingga 5.00 petang. Pada waktu malam, mereka dibenarkan untuk menonton televisyen.

5 orang bekerja di antara 8 - 10 jam sehari, selebihnya bekerja di antara 11-19 jam sehari. Mereka yang bekerja di antara 8 - 10 jam sehari akan memulakan tugas pada pukul 6,7 atau 8 pagi dan tugas mereka akan berakhir di antara pukul 2 hingga 5.30 petang. Responden yang bekerja di antara 11 ke 13 jam sehari memulakan tugas pada pukul 6 atau 8 pagi dan tugas mereka berakhir pada pukul 5 petang dan 8 malam.

20 orang responden bekerja di antara 14 - 16 jam sehari. Mereka biasanya memulakan tugas pada pukul 6 atau 7 pagi sehinggalah pukul 8 atau 11 malam. 4 orang responden yang bekerja di antara jangkamasa 17 - 19 jam pula

akan memulakan tugas pada pukul 6 pagi sehingga 12 malam.

b. Jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan.

Menurut kebanyakan responden tugas yang mereka lakukan tidaklah begitu berat. Sikap majikan, jumlah ahli keluarga majikan, umur anak-anak majikan dan jangkamasa bekerja banyak mempengaruhi tugas-tugas pembantu rumah. Boleh dikatakan bidang tugas pembantu rumah sepenuh masa dengan sambilan sama sahaja. Mereka biasanya dikehendaki membersihkan rumah, menolong majikan memasak, menjaga anak majikan dan membuat segala kerja rumah yang ditugaskan oleh majikan untuk disiapkan. Hanya responden yang bekerja dengan majikan berbangsa asing sahaja yang tidak dikehendaki memasak untuk majikan.

Pembantu rumah sambilan dikehendaki memasak air pada awal pagi untuk sarapan majikan. Kemudian mereka akan mencuci segala pakaian dan mengemas rumah. Jika majikan mempunyai anak yang masih bersekolah, pembantu rumah dikehendaki menyiapkan pakaian anaknya untuk ke sekolah. Selepas sahaja menggosok pakaian, mereka dibenarkan pulang oleh majikan.

Pembantu rumah sepenuh masa juga dikehendaki menyediakan sarapan pada awal pagi dan memandikan anak-anak majikan yang masih kecil. Selepas itu mereka ditugaskan untuk

mencuci pakaian dan megemas rumah. Pada waktu tengahari, mereka akan membantu majikan perempuan memasak dan menyediakan makanan. Terdapat juga pembantu rumah yang tidak dikehendaki memasak kerana majikan telah menyediakannya di awal pagi. Ini biasa berlaku pada majikan yang bekerja.

Selepas makan tengahari, mereka dibenarkan berehat sambil melayani anak-anak majikan dan dibenarkan menonton televisyen. Terdapat juga pembantu rumah yang dikehendaki bekerja terus-terusan tanpa rehat. Selepas makan malam dan selesai mengemas, barulah mereka dibenarkan menonton televisyen dan tidur.

Pembantu-pembantu rumah ini biasanya tidak banyak melakukan tugas pada waktu malam kerana mereka telahpun banyak bekerja pada sebelah siangnya.

Jelas bahawa tugas-tugas pembantu rumah menjadi lebih banyak jika majikan mempunyai anak-anak yang masih kecil atau masih bersekolah. Ada di antara mereka yang dikehendaki bekerja terus-terusan tanpa rehat. Ini biasa terjadi kepada pembantu rumah yang tinggal bersama majikan. Jika majikan mereka seorang yang bertimbang rasa, mereka dapat menjalankan tugas dengan lancar.

3.3 Jumlah pendapatan.

Pembantu rumah Indonesia ini merasakan pendapatan yang mereka terima kini memuaskan, sesuai dengan bebanan kerja yang dilakukan. Hanya seorang responden yang menerima pendapatan sebanyak \$200 menyatakan pendapatannya itu tidak cukup bagi perbelanjaan rumahtangganya. Beliau mendakwa terlalu banyak tugas yang dibebankan kepadanya dalam sehari. Beliau dikehendaki membuat segala kerja-kerja rumah tanpa diberi waktu rehat sedikitpun. Jumlah pendapatan yang diterima boleh dilihat dalam jadual 3.3.

Jumlah pendapatan responden adalah bergantung kepada jangkamasa bekerja, jenis kerja dan majikan. Berdasarkan jadual, pembantu rumah sambilan menerima pendapatan di antara \$100 sehingga \$300. Responden yang menerima pendapatan sebanyak \$125 bekerja selama tiga kali seminggu manakala yang lain-lainnya bekerja setiap hari kecuali pada hari Ahad.

Pembantu rumah sepenuh masa pula menerima pendapatan di antara \$200 ke \$350. Jelas sekali bahawa pembantu rumah Indonesia ini mempunyai jangkamasa bekerja seharian yang lebih lama berbanding dengan pembantu rumah Filipina. Kajian yang dilakukan oleh Jojie Samuel menunjukkan bahawa pembantu rumah Filipina bekerja di antara 9 hingga 17 jam, tetapi pendapatannya tetap sebanyak \$300 sebulan. Pembantu

rumah Indonesia pula dibayar mengikut kehendak majikan, jenis dan tempoh masa bekerja.

Jadual 3.3

Pendapatan yang diterima oleh pembantu rumah Indonesia

	Jumlah pendapatan (\$) (sebulan)	Bilangan	Peratus
Sambilan	100	1	2
	120	1	2
	125	1	2
	130	1	2
	150	5	10
	180	1	2
	200	3	6
	220	1	2
	300	1	2
Sepenuh masa	200	6	12
	250	23	46
	300	3	6
	330	1	2
	350	2	4
	Jumlah	50	100

3.4 Jumlah perbelanjaan .

Pendapatan yang diperolehi oleh pembantu rumah akan dibelanjakan atau disimpan. Jumlah yang dibelanjakan boleh dilihat dalam jadual 3.4. Berdasarkan jadual, 16 responden tidak langsung membelanjakan pendapatan mereka, sebaliknya menyimpan kesemua wang yang diterima setiap bulan itu.

Responden tidak perlu berbelanja apa-apa kerana tempat tinggal, makanan, dan pakaian ditanggung oleh majikan mereka . Ini termasuk tujuh responden yang belum berkahwin dan responden yang telah bercerai. Responden yang telah bercerai ini turut menyimpan pendapatan mereka untuk disumbangkan kepada keluarga di kampung asal di Indonesia terutamanya kepada anak mereka.

Jadual 3.4
Jumlah perbelanjaan

Jumlah (\$)	Bilangan	Peratus
Tiada	16	32
50	6	12
75	1	2
80	1	2
100	7	14
120	2	4
125	2	4
150	5	10
170	1	2
190	1	2
200	6	12
250	1	2
300	1	2
Jumlah	50	100

Seramai 34 responden membelanjakan pendapatan mereka di antara \$50 ke \$300. Mereka biasanya membeli pakaian, perkakas rumah dan barang-barang keperluan seharian. Bagi responden yang mempunyai anak yang masih bersekolah, mereka biasanya memberikan anak-anak mereka 50 sen sehari untuk

perbelanjaan sekolah mereka.

3.5 Jumlah simpanan.

Selain perbelanjaan diri dan rumah tangga, pendapatan mereka turut disimpan sebagai tabungan di masa depan. Sebahagian daripada wang ini akan digunakan ketika kecemasan seperti semasa sakit atau disumbangkan kepada keluarga di Indonesia. Jadual 3.5 menunjukkan pendapatan yang disimpan.

Jadual 3.5
Jumlah simpanan

Jumlah (\$)	Bilangan	Peratus
Tiada	12	24
50	6	12
60	2	4
100	3	6
125	2	4
150	3	6
200	12	24
250	6	12
300	2	4
350	2	4
Jumlah	50	100

Seramai 12 orang responden yang telah berkahwin tidak langsung menyimpan sebahagian atau kesemua pendapatan mereka. Menurut mereka, jika disimpan, maka perbelanjaan rumah tangga mereka tidak cukup, apatah lagi jika mereka

mempunyai anak-anak yang masih bersekolah. 38 orang lagi menyimpan tidak kurang dari \$50 dan tidak melebihi \$350. Enam orang responden yang tinggal bersama majikan dapat menyimpan sejumlah wang dari pendapatan mereka kerana segala bentuk perbelanjaan seperti makanan, minuman dan pakaian ditanggung oleh majikan. Bagi mereka yang belum berumah tangga, wang tersebut hanya diperlukan untuk keperluan diri mereka sahaja. Responden yang telah berumah tangga pula akan mencampurkan pendapatan mereka dengan pendapatan suami bagi urusan perbelanjaan rumah tangga. Oleh yang demikian, mereka dapat menyimpan sedikit wang untuk keperluan masa depan dan untuk dikirimkan kepada keluarga di Indonesia.

Wang gaji mungkin disimpan sendiri, diberi kepada orang lain seperti suami, abang, kakak, adik atau saudara-mara yang lain untuk disimpan atau pun disimpan di dalam bank. Simpanan di dalam bank ini biasanya dilakukan oleh majikan sama ada di Bank Simpanan Nasional atau Bank Bumiputra.

3.6 Kemudahan - kemudahan yang diberikan.

Selain daripada pendapatan, pembantu rumah juga menikmati kemudahan-kemudahan yang lain seperti cuti, bilik yang berasingan dan hadiah saguhati misalnya pada hari perayaan seperti Hari Raya Puasa. Namun begitu bukan semua responden mendapat kemudahan tersebut (lihat jadual 3.8).

Jadual 3.6
Bilangan hari cuti dalam sebulan yang
diperolehi oleh pembantu rumah

Bilangan cuti dalam sebulan	Bilangan	Peratus
Tiada	5	10
Satu hari	11	22
Dua hari	10	20
Empat hari	17	34
Lebih dari empat hari	3	6
Tiga bulan sekali	2	4
Tidak tentu	2	4
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual, didapati seramai 5 orang responden tidak pernah mendapat cuti dalam sebulan. Dua daripadanya tinggal bersama-sama majikan dan tidak mempunyai rumah sendiri, maka mereka dianggap oleh majikan tidak perlu diberikan cuti. Pada hari minggu mereka dikehendaki membantu majikan membuat segala kerja rumah. Tiga orang pembantu rumah lagi baru sahaja mendapat kerja, jadi mereka belum pernah diberi cuti. Empat dari mereka bekerja dengan majikan Melayu manakala yang seorang lagi bekerja dengan majikan berbangsa India.

Terdapat dua orang responden yang hanya mendapat cuti selama 3 bulan sekali sementara dua orang lagi menyatakan mereka tidak mendapat cuti yang tetap dalam sebulan. Ini bergantung kepada kehendak majikan dan pembantu rumah,

misalnya beliau akan diberikan cuti apabila sakit atau ingin pulang ke rumahnya setelah sekian lama tidak pulang.

Selain dari cuti dalam sebulan, responden juga mendapat kemudahan cuti umum dan cuti sakit. Daripada kajian yang dilakukan, 45 responden mendapat cuti umum sekurang-kurangnya dua hari setahun. Cuti umum ini misalnya diberikan semasa hari perayaan seperti pada Hari Raya. Mereka yang tidak mendapat cuti umum ini biasanya terpaksa bekerja pada hari-hari tersebut. Ini biasa berlaku apabila majikan mengadakan jamuan dan responden terpaksa membantu majikan. Malahan terdapat responden yang baru sahaja bekerja, iaitu selepas Hari Raya Puasa pada tahun ini, maka mereka belum pernah mendapat cuti umum.

Walau bagaimanapun, responden menerima wang, pakaian atau makanan pada musim perayaan seperti pada Hari Raya Puasa. Seramai 37 responden menerima wang dan/atau pakaian serta makanan seperti kuih-muih. Sementara 13 responden lagi tidak pernah menerima hadiah saguhati daripada majikan. Wang hadiah yang diterima oleh pembantu rumah ini ialah diantara \$10 ke \$150. Responden yang menerima pakaian biasanya diberikan sehelai baju atau sepasang kain.

Hanya 46 responden yang pernah diberikan cuti apabila sakit. Responden yang tidak mendapat cuti sakit pula mengatakan mereka belum pernah diserang penyakit selama

mereka bekerja. Menurut mereka lagi jika sakit yang dialami hanyalah sakit yang ringan, mereka tidak akan memohon cuti daripada majikan.

Kemudahan lain juga didapati oleh pembantu rumah ini misalnya 26 responden mendapat bilik yang berasingan untuk tidur. Kesemuanya ialah pembantu rumah sepenuh masa. Manakala 9 orang lagi akan tidur bersama-sama anak-anak majikan. Enam orang daripadanya memang tinggal bersama majikan, manakala tiga orang lagi akan pulang setiap dua minggu sekali di rumah masing-masing. Pembantu rumah sambilan tidak diberikan bilik yang berasingan kerana mereka hanya bekerja beberapa jam sahaja dalam sehari dan akan pulang ke rumah mereka pada sebelah petang.

3.7 Kegiatan masa lapang.

Pembantu rumah Indonesia ini juga diberi waktu rehat oleh majikan dalam beberapa jam semasa mereka bekerja. Pada masa lapang, mereka dibenarkan menonton televisyen, mendengar radio atau membaca surat khabar. Walau bagaimanapun, responden hanya mendengar radio semasa mereka sedang melakukan tugas mereka sahaja atau apabila radio dibunyikan oleh anak majikan.

Jadual 3.7
Kegiatan yang dilakukan pada masa lapang

Kegiatan masa lapang				
Menonton televisyen			Membaca surat khabar	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	34	68	18	36
Tidak	16	32	32	64
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 3.7 di atas menunjukkan seramai 34 responden menonton televisyen dan 18 responden sahaja yang membaca surat khabar. Menurut salah seorang responden yang menonton televisyen, beliau suka menonton rancangan Tayangan Gambar Melayu, drama, rancangan Hindustan dan Tayangan Gambar Indonesia.

Pembantu rumah ini biasanya menonton televisyen pada waktu malam tetapi terdapat juga responden yang menontonnya pada waktu petang iaitu di antara pukul 2 hingga 4 petang, hari Khamis dan Jumaat. 15 daripada 16 responden yang tidak menonton televisyen ialah pembantu rumah sambilan, menurut mereka, mereka hanya menonton televisyen di rumah mereka sahaja. Manakala seorang lagi pembantu rumah sepenuh masa menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai masa untuk menontonnya kerana kesibukan tugas.

Sebanyak 36% responden membaca surat khabar di rumah majikan. Akhbar yang dibaca oleh mereka ialah Utusan Malaysia dan Berita Harian. Ruangan yang menarik minat mereka ialah cerpen, komik, dan berita-berita tentang orang atau negara Indonesia. 12% daripadanya membaca keseluruhan isi kandungan surat khabar tersebut. Pembantu rumah yang tidak membaca surat khabar ialah mereka yang tidak tahu membaca atau tiada masa untuk membacanya kerana sibuk dengan tugas masing-masing.

3.8 Hubungan dengan majikan.

Hubungan baik antara pekerja dengan majikan amat penting walau dalam apa pekerjaan sekalipun. Hasil dari kajian ini, didapati seramai 45 responden menyatakan rasa puas hati mereka dengan layanan majikan. Mereka menyatakan layanan majikan mereka baik, majikan sering bertolak ansur dan menerima pembantu rumah sebagai ahli keluarga mereka. Beban tugas yang diberikan juga bersesuaian, begitu juga dengan pendapatan. Mereka adakalanya dibawa bersiar-siar oleh majikan, membeli-belah dan pulang ke kampung majikan. Secara tidak langsung, ini dapat menjalinkan hubungan baik di antara pekerja dengan majikan.

Terdapat pelbagai sebab mengapa 5 orang pembantu rumah tidak puas hati dengan layanan majikan. Responden pertama

menyatakan beliau tidak menyenangi sikap majikannya yang cerewet. Setiap tugas yang dilakukannya mestilah mengikut arahan dari majikan. Jika beliau tersalah sedikit sahaja, majikan akan memarahinya.

Responden ke-2 pula menyatakan majikannya seorang yang pemalas. Beliau terpaksa melakukan semua pekerjaan dan sering merasa penat. Tugasnya yang banyak tidak bersesuaian dengan pendapatannya yang sedikit iaitu \$200 sebulan. Menurutnyanya, beliau akan berhenti kerja dengan majikan sekarang jika beliau dapat mencari majikan yang baru. Malah beliau berkata,

" Kalau boleh saya nak bekerja dengan orang putih. Sebab itu sekarang saya belajar bahasa Inggeris dengan kawan saya (orang Melayu). Senang kerja dengan orang putih, gaji banyak dan mereka baik "

Pada pandangan beliau, " orang putih " itu baik setelah mendengar cerita dari rakan-rakannya yang bekerja dengan orang Inggeris, Australia dan lain-lain lagi.

Kadangkala perlakuan anak-anak majikan juga boleh menyebabkan pembantu rumah tidak puas hati. Hal ini terjadi kepada tiga orang responden lagi. Majikan kepada responden ke-3 tidak suka beliau memarahi anak-anaknya. Anak-anak majikannya suka bercakap kurang sopan kepadanya apabila

7. Hasil temu bual pengkaji dengan responden pada 15.6.1991 pada pukul 10.30 malam.

beliau tidak mahu melayan karenahnya. Anak-anak majikannya juga suka meninggalkan barang-barang permainannya begitu sahaja selepas bermain. Keadaan ini menimbulkan rasa letih kepada pembantu rumah yang terpaksa mengemaskannya berulang-ulang kali.

Apabila beliau cuba menegur anak-anak ini mereka akan mengadu kepada ibunya dan beliau akan dimarahi. Beliau pernah cuba memohon berhenti kerja tetapi dipujuk oleh majikannya kerana sukar mendapat pembantu rumah yang lain. Beliau menyatakan hasratnya untuk bekerja di kilang yang tidak banyak mengongkongnya di samping pendapatan yang lebih baik.

Responden ke-4 menghadapi masalah yang sama bahkan anak-anak majikannya suka memukulnya semasa beliau sedang membuat kerja. Beliau merasakan majikannya terlalu memanjakan anak-anaknya sehingga tidak pernah memarahi mereka yang selalu memukulnya. Walau bagaimanapun, beliau tidak berniat untuk berhenti kerja memandangkan kesukaran untuk mencari pekerjaan lain. Responden ke-5 puas hati dengan layanan majikan wanitanya tetapi beliau tidak suka dengan anak sulung majikannya yang berusia 7 tahun kerana anak ini kerap memukulnya. Hal ini terjadi apabila kehendaknya tidak dituruti. Apabila beliau mengadu kepada majikannya, majikannya akan memarahi anaknya. Majikan lelaki pula

akan memarahinya apabila barang-barangnya disentuh atau dialihkan.

Nyatalah bahawa sikap majikan yang cerewet, suka memarahi mereka walaupun kesalahannya kecil, memanjakan anak-anak dan memandang rendah kepada pembantu rumah boleh menyebabkan pembantu rumah ingin berhenti kerja dan mencari majikan baru. Namun demikian, pujukan majikan, kesukaran mendapat kerja, ketiadaan kad pengenalan dan pas kerja mendorong mereka terus bekerja dengan majikan sekarang.

Lima orang majikan yang ditemuramah pula puas hati dengan pembantu rumah mereka yang disifatkan sebagai rajin bekerja dan jujur.

3.9 Pekerjaan sampingan.

Pekerjaan sampingan dilakukan oleh pembantu rumah sebagai salah satu cara untuk menambahkan pendapatan dan mengisi masa lapang mereka. Terdapat dua orang pembantu rumah sambilan yang melakukan pekerjaan sampingan iaitu mengurut dan menjual makanan.

Pembantu rumah yang melakukan aktiviti mengurut menyatakan beliau tidak menetapkan sebarang bayaran kepada pelanggannya tetapi akan menerimanya dengan ikhlas jika diberi. Beliau boleh mengurut sesiapa sahaja yang memerlukan perkhidmatannya tanpa mengira usia dan jantina.

Pekerjaan ini dilakukan apabila beliau pulang ke rumahnya pada hujung minggu dan biasanya dijalankan pada waktu pagi atau petang.

Seorang pembantu rumah yang berniaga di hadapan rumahnya, menjual buah-buahan dan rojak serta makanan ringan. Beliau menjalankan perniagaannya selepas tamat waktu bekerja sebagai pembantu rumah pada pukul 1.00 petang setiap hari. Beliau akan menjual di gerainya sehingga lebih kurang pukul 5 petang sambil menjaga anaknya. Pada hari cuti pula iaitu hari Sabtu dan Ahad, beliau akan menjual barang - barang makanan itu dari pukul 9 pagi sehinggalah 5 petang. Beliau telah memulakan perniagaannya setahun yang lepas.

Beliau melakukan pekerjaan tersebut sebagai satu cara membantu suaminya yang bekerja sebagai buruh kasar untuk menambahkan pendapatan bagi menyara keluarga. Tambahan pula pendapatannya sebagai pembantu rumah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan seharian mereka sekeluarga. Apatah lagi beliau mempunyai tiga orang anak yang masih kecil, berusia dalam lingkungan umur dua hingga tujuh tahun. Pendapatan hasil dari perniagaannya itu ialah lebih kurang \$20 sehari.

3.10 Pengalaman bekerja sehari bagi pembantu rumah Indonesia.

Kes Cik Wid.

Wid merupakan pembantu rumah kepada sepasang majikan Melayu yang bekerja di sebuah jabatan kerajaan. Wid telah bekerja selama setahun di rumah majikannya. Majikannya tinggal menetap di sebuah kawasan perumahan di Ampang. Mereka mempunyai 4 orang anak iaitu dua lelaki dan dua perempuan. Anak yang sulung berusia 7 tahun dan telah bersekolah dalam Darjah 1. Anak yang kedua berumur 6 tahun dan bersekolah Tadika, yang ketiga berumur 4 tahun dan yang bongsu baru berusia setahun.

Wid bangun pada pukul 6.00 pagi. Selepas membersihkan diri, beliau memulakan tugasnya dengan memasak air dan membuat makanan untuk sarapan pagi. Majikannya bersiap-siap untuk pergi bekerja selepas sarapan. Lebih kurang pukul 7.00 pagi, beliau akan memandikan anak sulung majikannya sebelum ia pergi ke sekolah. Selepas itu, beliau akan mencuci pakaian pada pukul 7.30 pagi.

Setelah selesai mencuci dan menyidai pakaian, beliau mula mengemas rumah tersebut. Semuanya dilakukan sehinggalah lebih kurang pukul 10.00 pagi. Beliau sekali lagi akan memandikan anak majikannya yang akan pergi ke sekolah Tadika.

Lebih kurang pukul 11.00 pagi, beliau akan memasak sambil menjaga dua orang lagi anak majikannya. Kadangkala beliau akan menidurkan anak majikannya supaya tidak mengganggu tugas-tugasnya. Selesai memasak dan makan tengahari, Wid akan membersihkan bahagian dapur. Pada pukul 2.00 petang, Wid akan menonton televisyen bersama-sama anak-anak majikan.

Pada pukul 4.00 petang, Wid dikehendaki memandikan anak-anak majikannya. Selepas itu beliau akan menyiapkan minuman petang dan menyiram bunga. Pada pukul 5.00 petang setiap hari, Wid dibenarkan bertemu dengan rakan-rakannya yang juga pembantu rumah Indonesia di sekitar kawasan tersebut. Mereka akan duduk berkumpul seramai 5 ke 6 orang dan berbual tentang pekerjaan dan majikan mereka. Menurutny,

" Dari situlah kami boleh mendapat tahu jika ada majikan yang cerewet dan sebagainya. Bagi kami, disitulah tempat kami bertemu untuk mengadu masalah ".

Lewat petang, beliau akan pulang ke rumah majikannya semula. Beliau juga turut menegur sapa jiran-jiran Melayu yang tinggal berdekatan.

Pada sebelah malam, kira-kira pukul 7.30 beliau akan bersama-sama majikannya menyediakan hidangan makan malam. Selepas makan, beliau akan duduk menonton televisyen selama lebih kurang 1 hingga 2 jam. Beliau

akan menggosok pakaian selepas waktu tersebut. Kerjanya akan berakhir pada pukul 9.00 atau 10.00 malam. Selepas itu beliau dibenarkan masuk tidur di bilik yang disediakan oleh majikan.

Wid mempunyai jangkamasa bekerja lebih kurang 15 jam sehari. Walau bagaimanapun, beliau tidak merasa letih kerana dibenarkan berehat pada waktu tengahari. Pendapatan yang diterima olehnya ialah \$250 sebulan. Beliau mendapat cuti setiap minggu dan dibenarkan keluar pada hari cuti umum. Setiap hari cuti, beliau akan pulang ke rumah kakaknya di Selayang atau keluar bersama rakan-rakan.

Walaupun begitu, Wid kurang puas hati dengan layanan majikannya yang suka memarahi beliau jika beliau menegur anak sulung majikannya yang suka memukul dirinya dan mengeluarkan kata-kata kurang sopan kepadanya. Beliau pernah meminta berhenti kerja dari majikannya tetapi tidak dibenarkan kerana majikannya sukar mencari pembantu rumah yang lain.

8. Temuramah ini dibuat pada 17.5.1991, pukul 10.00 pagi di rumah majikan responden. Responden berasal dari Sumatera Barat dan dari kumpulan etnik Minangkabau.